

## BAB ENAM

### Sekuriti Makanan

#### 6.1 Pendahuluan

Makanan adalah keperluan asas manusia untuk kehidupannya. Oleh itu setiap orang perlu mendapat makanan yang mencukupi untuk meneruskan kehidupannya. Ketiadaan bekalan makanan, ataupun ketidakmampuan untuk memperolehi makanan yang diperlukan untuk hidup, boleh membawa kepada pelbagai masalah seperti penyakit, kematian dan sebagainya.

Dalam Islam, keperluan kepada makanan adakalanya boleh menggugat keimanan seseorang. Malah dalam sejarah peradaban Islam, makanan telah dijadikan *mu'jizat* kepada para Rasul untuk menjadi bukti tentang kebenaran kerasulan mereka seperti makanan yang dinamakan *manna* dan *salwa* iaitu *mu'jizat* Nabi Musa.

Islam telah menggariskan beberapa mekanisme untuk memastikan makanan dapat diperolehi oleh manusia sama ada yang kaya maupun miskin. Mekanisme agihan makanan itu ialah melalui zakat pertanian, zakat ternakan, zakat fitrah, aqiqah, korban, denda haji, *kifārat*, *fidyah* dan sedekah sunat. Kesemua agihan itu khusus untuk fakir miskin kecuali aqiqah dan korban yang boleh diberikan kepada kaum kerabat dan dimakan sendiri oleh pelakunya.

Oleh sebab bab ini akan membincangkan beberapa mekanisme agihan makanan dalam Islam, kajian ini akan fokus memberi pada perbezaan pemikiran para sarjana Islam dalam memahami sesuatu kaedah agihan tersebut. Namun demikian, kajian lebih menumpukan perbincangan kepada skop sekuriti makanan. Dalam ruang yang terbatas,

kajian ini akan menghuraikan dengan panjang lebar tentang perbezaan pendapat sarjana Islam terhadap pelaksanaan *kifārat*, *fidyah*, denda haji, korban, aqiqah dan sebagainya.

## 6.2 Definisi Makanan

Perkataan makanan atau *al-ta'ām* dalam bahasa Arab ialah kata *plural* bagi *ta'āma* yang bermaksud segala yang dimakan. Perkataan ini banyak kali di sebut di dalam al-Quran dan *al-hadīth*. Ibn Al-Athīr pula lebih cenderung merujuk perkataan makanan kepada makanan asasi seperti gandum, *tamar*, *syāfir* dan sebagainya (Ibn Manzūr, 1990, jil. 12, 363-364).

Perkataan makanan disebut di dalam Al-Quran dengan pelbagai ungkapan. Adakalanya makanan disebut secara umum dan adakalanya disebut kategori makanan secara khusus seperti makanan hasil dari tanaman dan juga binatang. Makanan dari jenis tanaman juga diperincikan jenisnya seperti biji-bijian, buah-buahan dan sayur-sayuran. Contohnya disebut nama buah-buahan seperti zaitun, delima, anggur dan sebagainya. Firman Allah SWT (*Al-An'ām* : 99) yang bermaksud:

Dan Dialah yang menurunkan hujan dari langit lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu buah yang bergugus-gugus, dan dari pohon tamar dari mayang-mayangnya, Kami keluarkan tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik, dan kami jadikan kebun-kebun dari anggur dan zaitun serta buah delima yang bersamaan bentuk, rupa dan rasanya dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu kepada buahnya apabila berbuah dan ketika masaknya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda yang menunjukkan kekuasaan Kami bagi orang-orang yang beriman.

Ayat yang lain bermaksud (*Al-Rahmān* : 10-12):

Dan bumi pula dijadikan-Nya rata untuk kegunaan manusia dan makhluk-makhluk-Nya yang lain. Terdapat padanya pelbagai jenis buah-buahan dan pokok-pokok kurma yang ada kelopak

mayang. Demikian juga terdapat biji-bijian yang ada jerami serta daun dan terdapat lagi bunga-bungaan yang harum.

Makanan dari sumber binatang pula terdiri sama ada binatang yang hidup di darat, mahupun binatang yang hidup di dalam air. Binatang membekalkan daging dan juga keperluan diet yang lain seperti susu dan madu. Contohnya firman Allah SWT (**Al-Nahīl** : 5) yang bermaksud:

Dan binatang-binatang ternak itu, Dia juga menciptakannya untuk kamu terdapat padanya benda-benda yang memanaskan tubuh dari sejuk dan beberapa faedah yang lain dan daripadanya juga kamu makan.

Firman Allah SWT dalam ayat yang lain ialah (**Al-Nahīl** : 14) yang bermaksud :

Dan Dialah yang memudahkan laut supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup.

Firman Allah SWT dalam ayat yang lain pula (**Al-Mu'minūn** : 21):

Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu kamu beroleh punca-punca yang menyedarkan tentang kemurahan dan kebijaksanaan Allah penciptanya. Kami beri kamu minum dari susu yang ada dalam perutnya dan kamu beroleh banyak faedah lagi padanya dan daripadanya juga kamu beroleh rezeki penghidupan kamu.

Ayat yang lain bermaksud (**Al-Nahīl** : 66):

Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perutnya yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah iaitu susu yang bersih yang mudah diminum lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya.

Rasulullah SAW juga ada menyebut bahawa susu adalah makanan yang diperlukan oleh tubuh badan berdasarkan petunjuk yang dibawa oleh Jibril kepada baginda (**Al-Qurtubī**, 1995, jil. 10 : 127) :

Jibril telah datang kepadaku dengan membawa bekas yang berisi arak dan satu bekas lagi berisi susu. Aku telah memilih susu. Lalu Jibril berkata kepadaku engkau telah memilih fitrah. Sekiranya engkau memilih arak umatmu akan binasa.

Al-Quran juga turut menyebut bahawa hasil dari binatang iaitu madu adalah makanan yang sangat berkhasiat dan boleh dijadikan penawar kepada penyakit (Al-Nahl : 68-69):

Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan manusia. Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bungaan dan buah-buahan yang engkau suka serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang dilahamkan dan dimudahkannya kepadamu. Dengan itu akan keluarlah dari dalam badannya minuman madu yang berlainan warnanya yang mengandungi penawar bagi manusia dari berbagai-bagai penyakit. Sesungguhnya pada yang demikian itu ada tanda yang membuktikan kemurahan Allah bagi orang-orang yang mau berfikir.

Penerangan tentang makanan yang paling hebat dan menakjubkan ialah makanan bagi ahli syurga dan neraka. Antaranya disebut gambaran makanan bagi penghuni syurga dan neraka seperti firman Allah SWT (Muhammad : 15):

Sifat syurga yang telah dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa ialah seperti berikut, ada padanya beberapa sungai dari air yang tidak berubah rasa dan baunya, dan beberapa sungai dari susu yang tidak berubah rasanya, serta beberapa sungai dari arak yang lazat bagi orang-orang yang meminumnya, dan juga beberapa sungai dari madu yang suci bersih. Dan ada pula untuk mereka di sana segala jenis buah-buahan serta keredaan dari Tuhan mereka. Adakah orang yang tinggal kekal di dalam Syurga yang sedemikian itu keadaannya sama seperti orang-orang yang tinggal kekal di dalam neraka dan diberi minum dari air yang menggelegak sehingga menjadikan isi perut mereka hancur?

Dalam ayat yang lain turut dicatatkan bahawa makanan penghuni syurga adalah pelbagai dan mengikut cita rasa dan keinginan penghuninya (Al-Tür : 22) yang bermaksud :

Dan penduduk Syurga itu kami tambahi mereka dari semasa ke semasa dengan buah-buahan dan daging dari berbagai jenis yang mereka ingini.

Ini menunjukkan bahawa isu kepentingan makanan itu diambil berat dalam Islam. Makanan dijadikan sebagai satu motivasi kepada manusia supaya sentiasa taat kepada Allah SWT untuk mendapat balasan syurga, kerana antara ganjaran bagi penghuni syurga ialah makanan yang sangat lazat. Bagi penghuni neraka pula, gambaran makanan mereka yang dahsyat dan menakutkan menjadi amaran kepada umat Islam agar menjauhkan diri dari neraka, dengan tidak melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT.

### 6.3 Sejarah Kepentingan Makanan Dalam Islam

Bermula pada zaman Nabi Ādam lagi, penekanan terhadap sekuriti makanan dititikberatkan. Nabi Ādam dan keluarganya telah menjadikan bercucuk tanam dan memelihara binatang sebagai sumber bekalan keluarga mereka. Anak baginda, Qābil telah mengusahakan pertanian manakala Hābil pula menternak binatang. Hujah bahawa mereka adalah petani dan penternak pertama yang mengusahakan pertanian dan penternakan sebagai sumber makanan keluarga, ialah apabila mereka berdua diminta oleh ayahanda mereka Nabi Ādam supaya mempersesembahkan hasil tanaman dan ternakan mereka kepada Allah SWT di atas sebuah gunung sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT yang melimpahkan rezeki kepada mereka.

Hābil telah mempersesembahkan biri-biri yang gemuk manakala Qābil mempersesembahkan tanaman yang busuk dan tidak elok. Persembahan Hābil telah diterima dan persembahan Qābil telah ditolak oleh Allah SWT (Ibn Kathīr, 1994 : 48). Peristiwa penolakan korban Qābil ini diceritakan di dalam al-Quran (**Al-Māidah** :27- 30) yang berakhir dengan pembunuhan Hābil.

Oleh sebab pentingnya makanan kepada manusia, Allah SWT telah mengurniakan seekor unta betina sebagai *mu'jizat* kepada Nabi Šāleh untuk membuktikan

kerasulannya kepada kaumnya. Unta tersebut membekalkan susu kepada kaumnya dan susunya tidak kering walaupun sentiasa diperah. Pemberian susu oleh Allah SWT kepada umat Nabi Šāleh menjadi petanda kerasulan baginda dan menarik sebahagian besar dari kaumnya beriman kepada Allah SWT. Firman Allah (**Hūd** : 64):

Dan wahai kaumku ini adalah unta betina dari Allah untuk kamu sebagai tanda *mu'jizat* yang membuktikan kebenaranku. Oleh itu biarkanlah dia mencari makan di bumi Allah dan janganlah kamu menyentuhnya dengan sesuatu yang menyakitinya kalau kamu menyakitinya maka kamu akan ditimpa azab seksa yang dekat datangnya.

Walau bagaimanapun sebahagian kaumnya yang ingkar dan kufur telah membunuh unta itu dan diturunkan azab kepada mereka. Cerita ini dapat dihayati dari firman Allah SWT (**Al-Syams** : 11-14):

Ingatlah kaum Thamūd telah mendustakan Rasulnya dengan sebab perbuatan derhaka mereka yang melampaui batas. Ketika orang yang sehabis-habis jahat antara mereka menerima perintah dari mereka supaya membunuh unta yang menjadi *mu'jizat*. Maka berkatalah Rasul Allah (Nabi Šāleh) kepada mereka janganlah kamu ganggu unta betina dari Allah itu dan janganlah kamu menyekatnya daripada mendapat air minumnya. Lalu mereka mendustakannya serta menyembelih unta itu. Dengan sebab dosa mereka, maka Tuhan menimpakan mereka dengan azab yang membinasakan serta Allah meratakan azab itu meliputi mereka sehingga punah-ranah semuanya.

Firman Allah SWT lagi (**Al-Isrā'** : 59) yang bermaksud :

Dan tiada yang menghalang Kami dari menghantar turun *mu'jizat* yang mereka minta itu melainkan kerana jenis *mu'jizat* itu telah didustakan oleh kaum-kaum yang lalu, dan antaranya kami telahpun memberikan kepada kaum Thamūd unta betina sebagai *mu'jizat* yang menjadi keterangan yang nyata, lalu mereka berlaku zalim kepadanya, dan Kami tidak menghantar *mu'jizat-mu'jizat* itu melainkan untuk menjadi amaran.

Kisah Nabi Ibrāhīm dan anaknya Nabi Ismā'īl juga turut mengisahkan tentang kepentingan makanan kepada manusia. Nabi Ibrāhīm telah membawa isterinya Hājār

dan Ismā‘il ke lembah yang kering dan tidak mempunyai air dan meninggalkan mereka di situ bersama bekalan *tamar* dan air. Walaupun sedih ditinggalkan di tempat yang asing dan tidak berpenghuni, tetapi Hājar redha kerana itu adalah perintah dari Allah SWT. Nabi Ibrāhīm telah berdoa kepada Allah SWT supaya memelihara mereka. Doanya dirakamkan di dalam Al-Quran (**Ibrāhīm** : 37) yang bermaksud :

Ya Tuhan kami, aku telah tinggalkan anak dan isteriku di padang pasir yang tandus yang tidak ada tanaman padanya di sisi rumah-Mu yang diharamkan mencerobohnya. Wahai Tuhan kami mereka ditempatkan di situ supaya mereka mendirikan sembahyang dan memakmurkannya dengan ibadat. Oleh itu jadikanlah hati manusia tertarik kepada mereka dan berikanlah rezeki kepada mereka dari buah-buahan dan hasil tanaman supaya mereka bersyukur.

Setelah Nabi Ibrāhīm meninggalkan mereka, Hājar memakan bekalan yang dibawanya. Setelah bekalan air habis, Hājar dan anaknya Ismā‘il sangat dahaga lalu Hājar mencari air di sekitar lembah itu tetapi hampa. Setelah berulang alik sebanyak tujuh kali mencari air antara Marwah dan Ṣafā, akhirnya dengan izin Allah SWT keluarlah mata air di tempat berdekatan Ismā‘il.

Hājar menggalinya dan keluarlah air yang banyak dan dikenali dengan telaga *zam zam*. Di sebabkan adanya telaga yang membekalkan air kepada manusia dan haiwan akhirnya tempat itu dikunjungi ramai orang dan membentuk penempatan manusia serta pusat perniagaan yang ulung di tengah padang pasir. Apabila umat Islam diperintahkan mengerjakan haji di situ, tempat yang di kenali sebagai Mekah itu makin maju dan berkembang (Ibn Kathīr, 1994: 138-139).

Oleh sebab makanan adalah keperluan, Nabi Ibrāhīm telah menyediakan bekalan buah tamar dan air kepada isteri dan anaknya. Memandangkan tiada sumber makanan yang lain selain bekalan mereka, maka Nabi Ibrāhīm menaruh keyakinan kepada pertolongan Allah SWT agar mengurniakan makanan kepada mereka. Hasilnya mereka dikurniakan telaga *zam zam* yang membekalkan sumber air yang sangat penting kepada manusia. Manusia tidak mampu untuk hidup lama jika kehabisan air kerana sebahagian tubuh

manusia adalah air. Menurut Ibn ‘Abbās (Ibn Manzūr, 1990, jil. 12, 363-364) air *zam zam* berkhasiat menyembuhkan penyakit dan juga boleh mengenyangkan sebagaimana makanan yang boleh mengenyangkan.

Nabi Mūsā dan kaumnya pula telah diuji oleh Allah SWT dengan kelaparan semasa mereka terdampar di padang pasir yang tandus setelah terselamat daripada Firaun yang mengejar mereka merentasi lautan yang luas. Kaum Nabi Mūsā meminta supaya Nabi Mūsā memohon makanan kepada mereka. Allah SWT telah memperkenankan permohonan Nabi Mūsā dan mengurniakan kepada mereka makanan istimewa dari langit sebagai tanda kerasulan baginda. Firman Allah SWT (*Al-Baqarah* : 57) yang bermaksud :

Dan Kami turunkan kepada kamu *manna* dan *salwā* serta Kami berfirman makanlah dari makanan-makanan yang baik yang Kami telah kurniakan kepada kamu.

*Manna* ialah sejenis makanan yang manis pekat seperti madu yang turun seperti embun dari langit dan jatuh ke atas batu dan daun-daun kayu manakala *salwā* pula ialah sejenis burung (Ibn Kathīr, 1994 : 331).

Walaupun begitu, kaum Nabi Mūsā masih tidak puas hati dengan makanan istimewa yang dikurniakan oleh Allah dan mereka merungut serta mahukan makanan yang lain pula. Perkara ini diceritakan oleh Allah SWT (*Al-Baqarah* : 61) yang bermaksud :

Dan kenangkanlah ketika kamu berkata, "Wahai Mūsā kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja, maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi, dari sayur-sayurannya, mentimunnya, dan bawang putihnya, dan kacang dalnya serta bawang merahnya." Nabi Mūsā menjawab, "Adakah kamu mahu menukar sesuatu yang kurang baik dengan meninggalkan yang lebih baik. Turunlah kamu ke bandar kerana di sana kamu boleh dapati apa yang kamu minta itu." Dan mereka ditimpakan dengan kehinaan dan kepapaan dan sudah sepertinya mereka mendapat kemurkaan Allah.

Permintaan umat Nabi Mūsā yang mahukan makanan seperti sayur-sayuran, kekacang, bawang dan sebagainya kerana jemu dengan *manna* dan *salwa* adalah satu kisah bagaimana keinginan manusia yang tidak terbatas. Keperluan yang tidak terbatas ini, sangat membahayakan dan perlu dibendung dengan keimanan kepada Allah SWT. Peristiwa ini memberi gambaran kepentingan makanan dan disebabkannya, manusia sanggup menderhaka kepada perintah Allah SWT.

Begitu juga Nabi Yūsuf semasa memegang jawatan sebagai Menteri Perbendaharaan Mesir telah membuat polisi menggalakkan pertanian sebagai langkah untuk menjamin bekalan makanan rakyat Mesir mencukupi bagi menghadapi musim kemarau. Polisi yang dirangka oleh Nabi Yūsuf itu berdasarkan petunjuk yang Allah SWT ilhamkan kepada baginda melalui mimpi Raja Mesir yang telah melihat tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus, dan tujuh tangkai biji-bijian yang hijau dan tujuh tangkai lagi yang kering (**Yūsuf : 43**).

Nabi Yūsuf mentafsir mimpi tersebut dan meminta supaya rakyat bercucuk tanam dengan bersungguh-sungguh selama tujuh tahun berturut-turut. Segala hasil tanaman hendaklah dituai dan disimpan bersama tangkaínya kecuali yang hendak digunakan sebagai makanan. Ini kerana selepas tempoh bercucuk tanam, akan berlaku kemarau selama tujuh tahun dan tidak ada tanaman yang dapat tumbuh kerana keadaan kemarau yang teruk. Oleh itu bekalan makanan adalah daripada makanan yang disimpan sebelumnya. Setelah itu barulah keadaan akan pulih dan orang ramai akan menikmati suasana yang baik dan hujan akan turun, serta tumbuhan akan tumbuh dengan subur (**Yūsuf : 47-49**).

Polisi yang dilaksanakan oleh Nabi Yūsuf ternyata berjaya. Apabila kebanyakan negara dilanda musim kemarau dan tanaman tidak dapat diusahakan selama tujuh tahun, rakyat di negara lain hidup dalam kesempitan kerana tiada bekalan makanan di negara mereka. Malah mereka datang untuk memohon bekalan makanan daripada baginda kerana mereka tidak mempunyai persediaan bekalan makanan untuk menghadapi saat genting begitu. Mereka datang untuk berdagang di Mesir dengan

harapan untuk menukar barang dagangan mereka dengan bekalan makanan. Antara yang datang untuk meminta bantuan makanan itu ialah keluarga Nabi Yūsuf yang telah lama berpisah dan mereka tidak mengenali baginda. Peristiwa ini diceritakan dengan panjang lebar di dalam Al-Quran (*Yūsuf* : 58-102).

Polisi ini sebenarnya satu polisi yang patut dipakai oleh negara supaya mempunyai rizab makanan bagi menghadapi saat-saat yang tidak dijangka seperti musim kemarau, musim banjir, perang dan sebagainya, apabila pertanian tidak dapat dijalankan ataupun bekalan makanan tidak boleh diimport dari luar negara.

Nabi ‘Isā dan pengikutnya juga mempunyai kisah tersendiri berkaitan dengan makanan. Pengikut Nabi ‘Isā yang digelar *hawariyyūn* telah meminta Nabi ‘Isā supaya berdoa kepada Allah SWT agar diturunkan hidangan makanan dari langit dengan alasan sekiranya mereka dapat memakan hidangan dari langit, iman mereka akan bertambah kental. Kisah ini diceritakan oleh Allah SWT dalam Al-Quran (*Al-Māidah*:t 112-115) yang bermaksud :

Dan ingatlah ketika orang *hawariyyūn* berkata, "Wahai ‘Isā ibn Maryam, dapatkah kiranya Tuhanmu berkenan menurunkan kepada kami satu hidangan dari langit." Nabi ‘Isā menjawab "Bertaqwalah kamu kepada Allah jika benar kamu orang-orang yang beriman." Mereka berkata "Kami hanya ingin hendak makan dari hidangan itu untuk mengambil berkat dan supaya tenang tenteram hati kami dan juga supaya kami ketahuinya dengan yakin bahawa sesungguhnya engkau telah berkata benar kepada kami dan supaya menjadilah kami orang-orang yang menyaksikan." ‘Isā ibn Maryam pun berdoa ke hadrat Allah dengan berkata "Ya Allah, Tuhan kami turunkanlah kiranya kepada kami satu hidangan dari langit untuk menjadi hari raya bagi kami iaitu bagi kami yang ada hari ini dan bagi orang-orang kami yang datang kemudian, dan sebagai satu tanda *mu’jizat* daripadamu yang menunjukkan kebesaran-Mu dan kurniakanlah rezeki kepada kami kerana Engkau jualah sebaik-sebaik pemberi rezeki." Allah berfirman "Sesungguhnya Aku akan menurunkan hidangan itu berulang-ulang kepada kamu kemudian sesiapa antara kamu kufur ingkar sesudah turunnya hidangan itu maka sesungguhnya Aku akan menyiksanya dengan azab sengsara yang tidak pernah Aku seksakan seseorang pun dari sekalian makhluk."

Permintaan mereka untuk merasa hidangan dari langit itu telah ditunaikan oleh Allah SWT. Oleh sebab makanan sangat penting dan satu keperluan, Allah SWT menjadikannya satu *mu'jizat* kepada para Rasul untuk membuktikan kepada umat manusia bahawa mereka membawa risalah dari Allah SWT.

Kesemua kisah yang berlaku dan dicatat di dalam Al-Quran menunjukkan bahawa makanan adalah sangat penting kepada manusia. Makanan bukan sekadar dimakan untuk menghilangkan kelaparan malah adakalanya keperluan kepada makanan boleh menentukan tahap keimanan seseorang manusia sebagaimana yang berlaku kepada kaum Nabi Mūsā, <sup>1</sup>Isā dan sebagainya.

#### **6.4 Konsep Sekuriti Makanan**

Sekuriti makanan telah didefinisikan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO) sebagai akses bagi semua penduduk terhadap makanan yang mencukupi untuk kehidupan yang sihat dan aktif. Berdasarkan polisi FAO, sekuriti makanan boleh dicapai sekiranya tiga elemen dipenuhi iaitu jaminan bahawa wujudnya makanan yang mencukupi, penawaran makanan yang stabil, dan sesiapa sahaja yang memerlukannya boleh memperolehnya dengan mudah (FAO, 1998 : 32).

Berdasarkan ketiga-tiga faktor ini, sudah tentu perlunya terdapat satu jaminan oleh kerajaan bahawa bekalan makanan negara sentiasa mencukupi. Bekalan ini sama ada diperolehi dengan aktiviti pertanian oleh negara itu sendiri, ataupun keupayaan untuk mengimportnya dari negara lain. Dalam masa yang sama, penawaran harga mestilah stabil dan makanan dijual dalam pasaran dunia pada harga yang mampu dibeli oleh negara pengimport. Rakyat pula mempunyai kuasa beli untuk membeli makanan keperluan mereka. Sekiranya ketiga-tiga faktor ini wujud akan wujudlah sekuriti makanan.

Berdasarkan definisi ini, keadaan yang berlawanan dengan sekuriti makanan ialah ketidaaan sekuriti makanan yang boleh dikatakan sebagai kurangnya akses untuk

memperolehi makanan yang mencukupi. Ketiadaan sekuriti makanan boleh berlaku secara kronik atau pada masa tertentu sahaja. Keadaan ini boleh berlaku apabila tidak ada kemampuan untuk membeli makanan atau mengeluarkan sendiri makanan keperluannya. Adakalanya, ia disebabkan oleh tiada bekalan makanan dalam pasaran dan harga makanan yang tidak stabil. Natijah dari keadaan ini, akan menyebabkan berlakunya kelaparan dan diet yang tidak mencukupi untuk keperluan tubuh badan yang sihat ( Jumah, 1988 : 218).

Ketidakupayaan untuk mendapat makanan, sama ada untuk jangka masa yang panjang, atau pada masa yang tertentu, berkait rapat dengan pendapatan individu atau isi rumah tersebut. Pendapatan yang mencukupi menjadi faktor kemampuan untuk membeli makanan walaupun pada harga yang tinggi. Oleh itu secara langsung sekuriti makanan mempunyai kaitan rapat dengan pendapatan seseorang. Kekurangan pendapatan atau kemiskinan, menyebabkan dia kurang berupaya untuk membeli makanan yang mempunyai diet yang seimbang yang mengandungi protein, karbohidrat, tenaga, zat galian, vitamin dan sebagainya.

## **6.5 Konsep Sekuriti Makanan Dari Perspektif Islam**

Kisah Nabi Ibrāhīm serta isteri dan anaknya yang ditinggalkan di Mekah menunjukkan bahawa terdapat dua elemen penting dalam konsep sekuriti makanan dalam Islam. Konsep tersebut ialah penyediaan bekalan makanan dan keduanya, ialah doa supaya dikurniakan makanan kepada isteri dan anaknya. Bagi umat Islam, mereka perlu mencari rezeki dengan berikhtiar dan berusaha, dan dalam masa yang sama, memohon serta berdoa kepada Allah SWT juga perlu dilakukan.

Bagi menjamin sekuriti makanan wujud dalam masyarakat, Islam menggariskan mekanisme tertentu untuk mempastikan semua orang mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan mengelakkan kelaparan di kalangan masyarakat. Mekanisme ini

bersifat agihan kekayaan melalui mekanisme-mekanisme seperti agihan tahunan dan juga agihan berkala.

Definisi sekuriti makanan yang diberikan oleh FAO menitikberatkan adanya bekalan dan keupayaan rakyat untuk memperoleh makanan pada setiap masa. Jika dilihat definisi ini dari perspektif sistem ekonomi Islam, wujudnya satu pusingan sistem yang berkisar untuk memenuhi tujuan tersebut. Islam menggariskan beberapa mekanisme secara langsung untuk membasmi kelaparan di kalangan masyarakat.

Mekanisme ini merupakan tanggungjawab kerajaan dan akan dapat dilaksanakan dengan berkesan dengan sokongan rakyat. Apa yang istimewanya, para umat Islam akan melaksanakan mekanisme ini bukan atas dasar tanggungjawab sosial semata-mata, sebaliknya atas rasa kesedaran bahawa ianya satu suruhan dan perintah dalam agama Islam. Atas kepercayaan dan keyakinan bahawa perlakuan mereka akan mendapat ganjaran baik daripada Allah SWT, ia menjadi satu motivasi kepada mereka untuk memenuhi tanggungjawab mengeluarkan zakat dan menunaikan ibadat-ibadat lain.

Ibadat sunat seperti korban dan aqiqah mengandungi mesej yang jelas kepada umat manusia supaya wujudnya golongan yang mengambil tugas menternak binatang peliharaan untuk dijadikan aqiqah dan korban. Secara langsung ia memberi gambaran bahawa Islam menggalakkan manusia mengambil berat tentang pertanian dan penternakan.

Rahsia di sebalik amalan aqiqah dan korban ini adalah jaminan makanan yang unggul di dalam Islam. Oleh sebab umat Islam digalakkan untuk melakukan korban, sudah tentu persediaan awal perlu dilakukan supaya apabila tiba tarikh 10, 11, 12 dan 13 bulan Zulhijjah setiap tahun mereka mempunyai bekalan binatang yang mencukupi untuk dijadikan korban. Malah korban yang dilakukan merupakan satu ibadat yang mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah SWT. Dari sudut sosial pula, ia membantu golongan fakir miskin untuk menikmati daging yang diperlukan oleh badan sebagai sumber protein.

Begitu juga dengan suruhan sunat melakukan aqiqah apabila ibu bapa memperoleh cahayamata. Walaupun aqiqah bukan suruhan wajib tetapi sangat digalakkan untuk dilakukan sebagai tanda kesyukuran apabila memperoleh cahayamata. Oleh sebab adanya suruhan tersebut, akan wujud permintaan kepada binatang ternakan untuk aqiqah seperti kambing, biri-biri, lembu, kerbau dan sebagainya. Dalam kitaran ini, akan berlaku satu pihak yang akan mengusahakan perusahaan ternakan binatang, ataupun binatang itu dipelihara sendiri oleh ibu bapa tersebut. Di sinilah wujudnya konsep sekuriti makanan dalam Islam kerana bekalan makanan diperlukan untuk menunaikan ibadat yang diperintahkan oleh Allah SWT.

Manakala untuk memastikan bahawa makanan yang diperoleh itu menjamin kesihatan Islam meletakkan garis panduan tentang makanan yang dimakan dengan konsep utamanya iaitu makanan tersebut mestilah makanan yang halal.

#### **6.6 Sekuriti Makanan Dalam Islam Dari Aspek Bekalan Makanan**

Umat Islam digalakkan untuk menjalankan aktiviti pertanian sebagai bekalan makanan kepada diri sendiri dan masyarakat. Oleh itu wujudnya konsep menyuburkan tanah, konsep pawah dan sewaan tanah serta polisi-polisi lain yang melibatkan aktiviti pertanian sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab-bab sebelum ini.

Kerajaan juga memainkan peranan dari segi penguatkuasaan undang-undang agar tidak berlaku penyorokkan barang makanan yang boleh membawa kepada kenaikan harga dalam pasaran dan mengakibatkan orang yang kurang mampu tidak dapat membeli makanan pada harga yang tinggi. Apabila berlaku permintaan yang tinggi dan penawaran yang kurang, kebarangkalian untuk harga naik adalah tinggi. Oleh itu dalam konteks ini, penyorokkan barang dengan tujuan untuk menaikkan harga adalah dilarang di dalam Islam, apatah lagi bagi barang keperluan asasi seperti makanan.

Terdapat beberapa polisi dalam Islam untuk memastikan bahawa harga barang makanan dalam keadaan stabil dan tidak berlaku penganiayaan kepada pengguna

dengan tindakan peniaga menaikkan harga makanan sesuka hati. Antaranya ialah larangan menyorokkan barang dengan tujuan untuk menaikkan harga apabila bekalan dalam pasaran berkurangan.

### **6.7 Sekuriti Makanan Dari Aspek Keupayaan Memperoleh Makanan**

Dalam konteks keupayaan untuk memperoleh makanan kepada rakyat, ekonomi Islam telah menyediakan mekanisme-mekanisme tertentu bagaimana bekalan makanan ini dapat diperoleh oleh sesebuah masyarakat. Jual beli makanan dalam pasaran adalah mekanisme yang membolehkan orang yang mempunyai wang memperoleh makanan keperluan mereka. Penyorokkan barang dengan tujuan untuk menaikkan harga barang keperluan terutamanya makanan asasi adalah diharamkan di dalam Islam dan menyalahi etika jual beli dalam Islam. Pengharaman aktiviti penyorokkan barang dengan tujuan untuk menaikkan harga adalah langkah Islam untuk menjaga kebijakan pengguna.

Bagi golongan yang tidak mempunyai wang untuk memperoleh makanan melalui mekanisme jual beli, Islam membantu mereka melalui agihan makanan secara langsung kepada mereka dengan adanya kewajipan berikut :

- i. Zakat iaitu zakat pertanian, zakat binatang dan zakat fitrah;
- ii. Korban;
- iii. Aqiqah;
- iv. *Kifarat* iaitu *kifarat* sumpah *zihār* dan bersetubuh di bulan Ramadhan;
- v. *Fidyah*;
- vi. Denda haji iaitu dikenakan dam haji atau sedekah wajib; dan
- vii. Sedekah sunat berupa wang atau makanan.

Makanan yang diagihkan itu merangkumi pelbagai jenis makanan yang diperlukan oleh tubuh badan untuk kehidupan yang sihat, iaitu:

- i. Makanan asasi seperti beras dan lain-lain melalui pengeluaran zakat fitrah, zakat pertanian, *kifarat* sumpah, *fidyah* dan sedekah wajib haji;
- ii. Daging melalui korban, aqiqah dan dam haji;
- iii. Makanan hasil tanaman seperti buah kurma melalui zakat pertanian; dan
- iv. Makanan-makanan lain seperti minyak, gula, tepung dan sebagainya melalui sedekah sunat.

### **6.7.1 Zakat**

Zakat adalah mekanisme agihan kekayaan yang lengkap. Agihan makanan melalui agihan zakat boleh dilakukan melalui agihan zakat pertanian, zakat binatang dan zakat fitrah. Bab ini akan membincangkan tentang zakat binatang dan zakat fitrah sahaja kerana zakat pertanian telah dibincangkan dalam bab sebelum ini.

#### **6.7.1.1 Zakat Binatang**

Binatang ternakan yang dikenakan zakat ialah lembu, kerbau, kambing, unta, biri-biri, dan lain-lain binatang ternakan yang seumpamanya.

Ciri utama binatang ternakan yang dikenakan zakat, ialah binatang yang dipelihara untuk dijadikan binatang ternakan dan bukan digunakan untuk membuat kerja-kerja perladangan, tunggangan dan sebagainya. Maksudnya, jika binatang itu dipelihara khusus untuk mendapatkan susu, daging, pembiakan dan sebagainya barulah dikenakan zakat (Al-Bahūtī, 1999, jil. 2, hal. 249).

Sekiranya binatang dibela khusus untuk membajak tanah dan sebagainya, binatang tersebut tidak diwajibkan zakat. *Hadīth* yang diriwayatkan oleh Jābir bin ‘Abdullah (Abū ‘Ubayd, 1988 : 471) yang bermaksud :

Sapi-sapi pembajak tanah tidak dikenakan zakat.

Antara syarat lain binatang yang dikenakan zakat ialah cukup *hawl* dan sampai kadar nisab. Kaedah pengiraan nisab zakat binatang telah ditetapkan oleh sunnah Rasulullah SAW. Secara ringkasnya nisab zakat ternakan dan kadar zakat yang dikeluarkan ialah seperti berikut (Jadual 6.1) :

Jadual 6.1 Kadar Nisab Dan Zakat Bagi Binatang Ternakan

Binatang	Kadar Nisab (ekor)	Kadar keluar zakat
Unta <sup>1</sup>	1 - 4 5 - 9 10 - 14 15 - 19 20 - 24 25 - 35	Tidak dikenakan zakat seekor kambing 2 ekor kambing 3 ekor kambing 4 ekor kambing seekor anak unta betina
Lembu <sup>2</sup>	1 - 29 30 - 39 40 - 49 60 - 69 70 - 79 80 - 89 90 - 99 100 - 119 120-	Tidak dikenakan zakat 1 ekor lembu setahun 1 ekor lembu berumur 2 tahun 2 ekor lembu berumur setahun 1 musinnah dan 1 <i>tabi'ah</i> 2 musinnah 3 <i>tabi'ah</i> 1 musinnah dan 2 <i>tabi'ah</i> 3 musinnah atau 4 <i>tabi'ah</i>
Kambing <sup>3</sup>	1 - 39 40 - 120 121 - 200 201 - 399	Tidak dikenakan zakat 1 ekor kambing 2 ekor kambing 3 ekor kambing

Sumber : (Abū Ubayd, 1988, 447)<sup>1</sup>, (Abū Ubayd, 1988, 474)<sup>2</sup>, ((Abū Ubayd, 1988, 477).<sup>3</sup>

Perbincangan tentang bilangan nisab binatang ternakan dan sebagainya amat panjang oleh itu kajian ini tidak akan membincangkan secara terperinci tentang zakat binatang. Apa yang penting ialah zakat ke atas binatang yang dipelihara dikenakan zakat sekiranya cukup syarat.

#### 6.7.1.2 Zakat Fitrah

Zakat fitrah diwajibkan kepada semua orang Islam setahun sekali. Zakat fitrah membawa maksud zakat yang diwajibkan disebabkan oleh berbuka puasa pada bulan

Ramadan. Dalil bahawa zakat fitrah wajib berdasarkan *hadīth* Ibn ‘Umar yang bermaksud (Al-Bahūtī, 1999, jil. 2, hal. 311):

Sesungguhnya Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat fitrah pada bulan Ramadan satu *sā’* kurma atau satu *sā’* gandum kepada setiap orang yang merdeka, hamba sahaya, laki-laki maupun perempuan, kecil dan besar, dari kaum muslimin. Dan diperintahkan supaya dikeluarkan zakat sebelum keluar mengerjakan sembahyang sunat raya ‘Aidilfitri.

Ibn ‘Abbās (Al-Bahūtī, 1999, jil. 2, hal. 312) melaporkan bahawa :

Rasulullah SAW mewajibkan zakat fitrah untuk menyucikan orang yang berpuasa daripada perbuatan sia-sia dan percakapan yang keji dan memberi makan orang yang miskin. Sesiapa yang menunaikannya sebelum sembahyang hari raya, ia merupakan zakat yang diterima dan sesiapa yang menunaikannya selepas sembahyang ia merupakan sedekah biasa.

Hadīth ini menjadi dalil bahawa Islam mengambil berat supaya tidak berlaku masalah kelaparan di dalam masyarakat. Oleh itu orang fakir miskin diberikan zakat fitrah untuk mengelakkan mereka berada dalam keadaan lapor.

#### **6.7.1.2.1 Jenis Makanan Dan Kadarnya Bagi Pengeluaran Zakat Fitrah**

Pada dasarnya zakat fitrah dikeluarkan dengan makanan asasi sesuatu tempat. Perkara ini adalah didasarkan kepada ḥadīth-ḥadīth Rasulullah SAW yang menyebut bahawa zakat fitrah diwajibkan dengan kurma, gandum, *sya’ir* dan sebagainya. Kadar pengeluaran makanan asasi tersebut pula ialah sebanyak segantang seorang. Antara ḥadīth Rasulullah SAW yang mengatakan bahawa zakat fitrah dikeluarkan dengan bahan makanan ialah :

Hadīth Ibn ‘Umar yang bermaksud :

Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat fitrah pada bulan Ramadan satu *sā’* kurma atau satu *sā’* gandum.

Majoriti ulamak berpendapat bahawa zakat fitrah dikeluarkan dengan bijirin dan buah-buahan yang menjadi makanan utama sesesuatu tempat sebanyak segantang seorang (Ibn Qudāmah, 1997, jil. 4 : 285 & Al-Khaṭīb Al-Syarbīnī, 1997, jil. 2 : 598). Contohnya gandum, barli, *tamar* dan *zabib* (Al-Kāsānī, 1998, jil. 2 : 203-204), *sya'ir*, kurma basah, kurma kering, biji-bijian, *sult.*, padi, susu kering dan keju (Al-Dusūqī, 1996, jil. 2 : 121-122)

Zakat fitrah juga boleh digantikan dengan nilai wang bagi harga makanan tersebut. Contohnya jika segantang makanan berharga 30 dirham, dibolehkan mengeluarkan 30 dirham sebagai zakat fitrah (Al-Kāsānī, 1998, jil. 2 : 203-204) .

Zakat fitrah boleh dibayar dengan nilai wang kerana tujuan utama zakat dikeluarkan adalah untuk membantu orang fakir dan miskin. Oleh itu pembayaran zakat dengan wang tidak melenceng daripada matlamat asal zakat iaitu untuk membantu golongan fakir miskin (Al-Kāsānī, 1998, jil. 2, hal. 205).

Keutamaan membayar zakat fitrah dengan nilai wang atau makanan asasi bergantung kepada keadaan semasa. Sekiranya pada masa tersebut bekalan makanan sangat kurang dan susah diperolehi tetapi lebih diperlukan berbanding wang maka lebih baik mengeluarkan zakat fitrah dalam bentuk makanan asasi. Ini kerana sekiranya diberikan wang sedangkan makanan pula amat sedikit dalam pasaran dikhuatiri mereka tidak mampu membeli makanan tersebut. Oleh itu adalah lebih baik untuk memberikan zakat fitrah kepada mereka dalam bentuk makanan asasi ( Ibn Ḥāfiẓ Abidīn, 1998, jil. 3 : 289).

Sebaliknya jika makanan mudah didapati dalam pasaran, lebih baik zakat fitrah diberikan kepada mereka dalam bentuk mata wang. Pemberian zakat dengan wang, membolehkan mereka mampu membeli keperluan lain selain makanan seperti pakaian dan lain-lain.

Walau bagaimanapun Mālik, Al-Syāfi'ī dan Ahmad berpendapat zakat fitrah tidak harus digantikan dengan harga atau nilai wang bagi makanan yang diwajibkan zakat

kerana mereka berpegang kepada ḥadīth yang diriwayatkan oleh Ibnu ‘Umar yang bermaksud :

Rasulullah ﷺ memfardukan zakat fitrah segantang *tamar* dan segantang barli

Menurut mereka sekiranya makanan ditukar kepada benda lain bererti kefarduan itu tidak ditunaikan (Ibn Qudāmah, 1997, jil. 4 : 295-296).

Di Malaysia majoriti umat Islam membayar zakat fitrah dengan nilai wang kerana ia lebih mudah untuk diurus dan diagihkan.

#### **6.7.1.3 Memindahkan Zakat Ke Tempat Lain Dalam Konteks Sekuriti Makanan**

Maksud memindahkan zakat ke tempat lain ialah ke tempat yang bukan didiami oleh pengeluar zakat. Menurut kaedah umum, zakat mesti diagihkan kepada *asnaf* yang berada di negeri atau kawasan di mana zakat itu dipungut. Ini berdasarkan ḥadīth yang dilaporkan oleh Mu‘ādh yang bermaksud (Abū ‘Ubayd, 1988, 709) :

Ambillah zakat daripada orang kaya mereka dan agihkan kepada orang fakir mereka.

Walaupun makruh memindahkan zakat dari sebuah negeri ke sebuah negeri tetapi harus dilakukan sekiranya ada sebab dan keperluan yang memerlukan zakat tersebut dipindahkan ke tempat atau negeri lain. Sebab-sebab yang membolehkan zakat dipindahkan antaranya ialah (Ibn ‘Ābidīn, 1998, jil. 3: 274-275):

- i. Dipindahkan kepada kaum keluarganya yang sangat memerlukan;
- ii. Dipindahkan kepada kaum yang sangat memerlukannya;
- iii. Dipindahkan kepada kaum yang lebih sesuai, lebih *warak* dan lebih memberi manfaat kepada orang Islam;
- iv. Perpindahan itu dari dār al-harb kepada dār al-Islām;

- v. Dipindahkan kepada penuntut ilmu;
- vi. Dipindahkan kepada orang yang zahid; dan
- vii. Sekiranya zakat itu dipercepatkan bayaran sebelum genap *hawl*.

Dalam kes-kes sebegini, tidak makruh memindahkan agihan zakat ke tempat lain. Sekiranya dipindahkan atas sebab yang lain, ia tetap sah sebab tempat agihan sebenarnya ialah orang fakir miskin (Ibn Ḥāfiẓ, 1998, jil. 3: 274-275).

Walau bagaimanapun, sepatutnya zakat itu diagihkan ditempat ia dikutip terlebih dahulu. Sekiranya ada lebihan selepas diagihkan barulah dipindahkan ke tempat yang paling dekat dengan tempat tersebut. (Saḥnūn, t.t, jil. 1, 336 & Ibn Qudāmah, 1997: jil. 4 : 131). Oleh itu dalam konteks sekuriti makanan, sekiranya sesuatu tempat itu ditimpa bencana dan mereka tidak mempunyai bekalan makanan yang mencukupi, bolehlah dibawa zakat ke tempat yang lain dengan syarat fakir miskin di tempat itu telah mendapat hak mereka.

#### 6.7.2 Korban

Definisi korban ialah nama bagi sesuatu yang dikorbankan atau nama bagi binatang yang disembelih pada Hari Raya Ḥaḍīdha. Dari sudut fiqh, ia bermaksud menyembelih binatang tertentu dengan niat *tagarrūb* kepada Allah SWT pada masa-masa tertentu. Orang Islam digalakkan melakukannya sebagai tanda bersyukur kepada Allah SWT kerana nikmat-Nya yang pelbagai (Al-Zaila, 2000, jil. 6 : 473).

Dalil galakan berkorban ialah (**Al-Kauthar** : 2):

Oleh itu kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata  
dan sembelihlah korban sebagai bersyukur.

Rasulullah SAW juga telah berkorban sebagaimana diceritakan oleh Anas (Ibn Qudāmah, 1997, jil 13 : 360) :

Rasulullah SAW telah mengorbankan dua ekor *kibasy* yang putih dan bertanduk. Aku menyaksikan Baginda meletakkan kakinya di atas belakang leher binatang tersebut sambil mengucap bismillah dan bertakbir lalu baginda menyembelih sendiri kedua-duanya.

Binatang yang akan dikorbankan ialah binatang jinak seperti unta, lembu, kerbau, kambing, biri-biri dan sebagainya. Jumlah binatang yang ingin dikorbankan bergantung kepada jenis binatang. Sekiranya ingin mengorbankan kambing jumlahnya ialah seekor tetapi bagi binatang yang besar seperti lembu, unta dan sebagainya seekor binatang tersebut boleh dikongsi seramai tujuh orang (Al-Zailaī, 2000, jil. 6 : 483-484 & Ibn Qudāmah, 1997, jil. 13 : 364-366).

#### **6.7.2.1 Agihan Daging Korban**

Oleh sebab korban yang dilakukan adalah satu ibadat kepada Allah SWT, Islam memberi panduan bagaimana daging-daging korban itu patut digunakan dan kepada siapa patut diagihkan. Orang yang berkorban mestilah mengikuti panduan yang ditetapkan kerana perbuatan tersebut merupakan satu ibadat yang diharapkan balasan pahala di sisi Allah SWT. Walaupun korban dilihat sebagai satu perbuatan sosial untuk membantu masyarakat tetapi orang yang berkorban tidak boleh lari daripada mengikuti panduan yang ditetapkan kerana ia merupakan satu ibadat, dan mereka akan diberikan pahala sekiranya mengikuti peraturan yang ditetapkan.

Dari segi agihan daging korban, Ahmad Ḥanbal (Ibn Qudāmah, 1997, jil. 13 : 379) mengesyorkan sebaiknya daging korban dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu :

- i. 1/3 untuk dimakan sendiri;
- ii. 1/3 dihadiahkan kepada keluarga dan sahabat handai; dan
- iii. 1/3 disedekahkan kepada fakir miskin.

Dalilnya firman Allah SWT (Sūrah Al-Haj : 36) yang bermaksud :

Makanlah sebahagiannya dan berilah makan kepada mereka yang rela dengan keadaannya tanpa meminta dan mereka yang meminta.

Firman Allah SWT lagi (Al-Haj : 28) yang bermaksud :

Dan makanlah sebahagiannya dan berilah makan kepada yang susah dan yang fakir.

Islam mengambil berat tentang tanggungjawab orang yang mampu untuk membantu golongan yang fakir dan miskin. Oleh itu ayat di atas jelas memperlihatkan bahawa bagi menjamin golongan yang tidak mampu memperoleh makanan yang berprotein diberi bantuan oleh mereka yang mampu. Meskipun korban dilakukan setahun sekali, tetapi sekurang-kurangnya keperluan mereka dipenuhi dalam tempoh itu.

#### **6.7.2.2 Memindahkan Agihan Daging Korban Ke Tempat Lain**

Dasar dalam Islam ialah semua umat Islam adalah bersaudara, maka kebajikan umat Islam di tempat lain juga diambil kira. Sekiranya terdapat umat Islam di negara lain yang mengalami masalah ketidaaan makanan atau kesempitan makanan, Islam tidak melarang sekiranya umat Islam dari satu negara membantu umat Islam di negara yang lain dengan mengagihkan binatang korban ke negara tersebut.

#### **6.7.3 Aqiqah**

Aqiqah ialah binatang sembelihan yang disembelih untuk seorang bayi yang dilahirkan (Ibn Qudāmah, 1997, jil. 13 : 393) dan sunat dilakukan pada hari ketujuh selepas kelahirannya (Ibn Qudāmah, 1997, jil. 13 : 397).

Binatang yang dijadikan aqiqah adalah sama seperti binatang yang muhū dijadikan korban iaitu binatang jinak seperti unta, lembu, kambing, dan sebagainya. Aqiqah

untuk anak lelaki adalah dua ekor kambing sementara bagi anak perempuan seekor kambing berdasarkan ḥadīth ‘Āishah yang bermaksud (Ibn Qudāmah, 1997, jil. 13: 394) :

Untuk seorang anak lelaki dua ekor kambing yang sempurna dan untuk seorang anak perempuan seekor kambing.

Sepertimana dengan daging korban, daging aqiqah hendaklah dimakan dan disedekah, dan tidak boleh dijual. Selain bersedekah kepada fakir miskin, daging aqiqah sunat dimasak dan dimakan oleh anggota keluarga dan sahabat handai mereka (Ibn Qudāmah, 1997, jil. 13 : 400).

#### 6.7.4 Kifārat

Sistem denda dalam Islam juga turut mengambil berat tentang agihan makanan kepada golongan miskin. Kesalahan yang dikenakan *kifārat* yang menyuruh memberi makanan kepada orang miskin ialah bagi *kifārat sumpah*, *kifārat zihār* dan bersetubuh di bulan Ramadan (Al-Kāsānī, 1998, jil. 4 : 249).

##### 6.7.4.1 *Kifārat Sumpah*

Dalil *kifārat sumpah* ialah (Al-Māidah : 89) yang bermaksud :

Kamu tidak dikira salah oleh Allah SWT tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan untuk bersumpah, akan tetapi kamu dikira salah oleh-Nya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh. Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang biasa kamu berikan kepada keluarga kamu atau memberi pakaian untuk mereka atau memerdekaan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat menuai denda tersebut maka hendaklah berpuasa selama tiga hari. Yang demikian itu ialah denda penebus sumpah kamu apabila kamu bersumpah. Dan peliharalah sumpah kamu. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya supaya kamu bersyukur.

Bagi orang yang dikenakan *kifārat* sumpah dia boleh memilih manakah bayaran *kifārat* yang dia mampu lakukan iaitu seperti berikut (Al-Kāsānī, 1998, jil. 4 : 250-251):

- i. Memberi makan kepada sepuluh orang miskin;
- ii. Memberi pakaian kepada sepuluh orang miskin;
- iii. Memerdekan hamba yang beriman; atau
- iv. Berpuasa selama tiga hari.

#### **6.7.4.1.1 Maksud Memberi Makan dan Nilainya**

Sekiranya seseorang ingin menebus *kifārat* sumpah dengan memberi makan kepada orang miskin, dia boleh membuat pilihan sama ada:

- i. Menjamu makanan kepada fakir miskin;
- ii. Memberi makanan kepada fakir miskin;
- iii. Mengantikan makanan dengan nilai wang; atau
- iv. Menggabungkan antara menjamu makanan dan memberi makanan.

##### **i. Menjamu Makanan**

Memberi makan kepada orang miskin ialah dengan menjamu mereka makan (Al-Kāsānī, 1998, jil. 4 : 258-260) kerana nas Al-Quran datang dengan lafaz *al-ifām* yang bermaksud "memberi makan" sebagaimana firman Allah SWT "Maka kifaratnya adalah memberi makan 10 orang miskin". Dalam penggunaan bahasa biasa "memberi makan" bermaksud membenarkan mereka untuk makan. Begitu juga isyarat nas sebagaimana Allah SWT berfirman "Berilah makan 10 orang miskin" menunjukkan bahawa memberi makan kepada orang fakir miskin.

Menurut Al-Kāsānī (1998, jil. 4 : 261), kadar menjamu makanan ialah sekadar makan yang mengenyangkan dan boleh dilakukan seperti berikut (Lihat Jadual 6.2).

Jadual 6.2 Jamuan Makan, Bilangan Hari Dan Bilangan Orang Fakir Miskin

Pilihan	Jamuan Pertama	Jamuan Kedua	Bilangan Hari	Bilangan Orang Fakir Miskin
1.	Makan Tengah hari	Makan Malam	1 hari	10 orang
2.	Makan Sahur	Makan Malam	1 hari	10 orang
3.	Makan Tengah hari	Makan Tengahari	1 hari	10 orang
4.	Makan Tengah hari	Makan malam	10 hari	1 orang
5.	Makan tengah hari	Tiada	20 hari	1 orang
6.	Makan malam	Tiada	20 hari	1 orang

Sumber : Diubah suai dari Al-Kāsānī, ‘Ala’ Al-Dīn Abī Bakr bin Mas‘ūd (1998) *Badā’i’ Al-Šanā’i’*, jil. 4. Lubnan : Dār Ihyā’ Al-Turāth Al-‘Arabī, hal. 261

Orang yang ingin menebus *kifārat* dengan memberi makan boleh memilih antara cara-cara tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya dia menjamu untuk seorang sahaja dengan makanan untuk 10 orang sekaligus, maka hukumnya tidak harus kerana Allah SWT memerintahkan agar menghilangkan kelaparan 10 orang miskin sama ada serentak ataupun mengikut hari. Sekiranya diberi makan seorang fakir dengan kadar 10 orang makan sekaligus, sudah tentu tidak menepati suruhan kerana sasarannya ialah membantu 10 orang fakir miskin (Al-Kāsānī, 1998, jil. 4 : 261).

Jenis makanan yang hendak dihidangkan adalah bebas dan tidak terhad kepada jenis-jenis tertentu sahaja; asalkan ia mengenyangkan. Contohnya menjamu roti bersama lauk atau roti tanpa lauk dan sebagainya kerana Allah SWT dalam firman-Nya berhubung kewajipan memberi makanan ini, tidak membezakan antara makanan yang berlauk atau tidak.

Sebaliknya dalam firman Allah SWT itu dinyatakan bahawa makanan itu adalah "Dari jenis makanan yang biasa kamu berikan kepada keluarga". Oleh itu *kifārat* ini tidak memberatkan dengan mensyaratkan makanan yang mewah-mewah atau yang agak mahal. Begitu juga sekiranya dia menjamu dengan roti yang dibuat daripada gandum yaman, ataupun dengan tamar, maka dikira sudah memadai, kerana kadang-kadang roti dimakan secara bersendirian di kalangan keluarga (Al-Kāsānī, 1998, jil. 4 : 261).

## ii. Memberi Makanan

Sekiranya seseorang itu mahu menebus *kifārat* dengan memberi makanan kepada fakir miskin, kadar makanan yang diberikan ialah secupuk untuk setiap orang (Sahñūn, t.t, jil. 1 : 591-592).

Menurut Al-Kāsānī (1998, jil. 4 : 258-259), Al-Syāfi‘ī lebih cenderung memberi makanan berbanding menjamu makanan. Ini kerana setiap kewajipan yang berbentuk harta perlulah diketahui kadarnya bagi membolehkan seseorang *mukallaf* menunaikannya dengan sempurna. Makanan yang dibenarkan untuk dimakan oleh seseorang miskin tidak diketahui nilai dan kadarnya. Setiap orang mempunyai perbezaan antara satu sama lain dari segi fisiologi, saiz dan kadar keperluan makanan yang boleh mengenyangkan. Oleh itu pembayaran *kifārat* dengan menjamu makanan tidak akan terlaksana.

Menurut Al-Syāfi‘ī, makanan tersebut juga tidak boleh diganti dengan nilai makanan kerana tidak bertepatan dengan nas Al-Quran. Pendapat ini didasarkan kepada nas firman Allah SWT yang bermaksud (Al-Māidah : 89):

Maka kifaratnya adalah memberi makan sepuluh orang miskin.

## iii. Memberikan Nilai Wang

Orang yang ingin menebus *kifārat* sumpah boleh juga memberi nilai wang bagi nilai makanan tersebut. Al-Kāsānī (1998, jil. 4 : 258-260) berpendapat, perkara ini harus kerana seseorang boleh memberi makanan seperti beras dan jagung. Walaupun tidak terdapat di dalam nas, tetapi ia dibolehkan kerana beras dan jagung sama nilai dengan makanan yang dinaskan iaitu gandum dan *syair*. Oleh itu seseorang itu boleh menggantikan makanan dengan nilai wang yang sama.

#### **iv. Menjamu Makan Dan Memberi Makanan**

Jika seseorang itu mahu menjamu makanan, dan pada masa yang sama mahu memberi makanan kepada fakir miskin, perbuatan tersebut juga harus dilakukan. Abū Yūsuf berpendapat (Al-Kāsānī, 1998, jil. 4 : 262), perkara tersebut boleh dilakukan dengan memberi makan tengahari kepada 10 orang miskin; kemudian memberikan sebanyak secupak gandum atau beras pula untuk setiap mereka. Cara ini menghimpunkan antara menjamu makan serta memberi milik. Setiap kali makan adalah dinilai dengan kadar satu cupak.

Dari segi status agama, menurut Abū Ḥanīfah (Al-Kāsānī, 1998, jil. 4 : 263), mengharuskan bayaran *kifārat* sumpah ini diberikan kepada orang *dhimmi* yang miskin dan tidak terhad kepada orang Islam sahaja. Tetapi bayaran zakat tidak harus diberikan kepada mereka. Ini adalah berdasarkan firman Allah SWT yang umum dalam ayat 89 Sūrah al-Māidah tersebut. Ayat itu tidak membezakan antara orang miskin yang Islam ataupun kafir. Apa yang penting ialah makanan itu hendaklah diberikan kepada orang miskin.

Dalam hal ini kita dapatkan bahawa Islam amat mengambil berat supaya orang fakir miskin dibantu dan diberi hak untuk mendapat makanan yang secukupnya. Dengan demikian, kebijakan mereka dijaga dengan adanya mekanisme-mekanisme yang telah disebutkan itu.

##### **6.7.4.2 *Kifārat Zihār* Dan Bersetubuh Dengan Sengaja Pada Bulan Ramadan**

*Kifārat* bagi kesalahan *zihār* dan bersetubuh pada bulan Ramadan adalah sama. Dalil *kifārat zihār* ialah (**Al-Mujādalah** : 3-4):

Dan orang-orang yang menzihārkan isterinya kemudian mereka berbalik dari apa yang mereka ucapkan maka hendaklah suami itu memerdekaan seorang hamba sebelum mereka berdua bersama. Dengan hukum yang demikian kamu diberi pengajaran. Dan ingatlah Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya akan apa yang kamu lakukan. Kemudian

sesiapa yang tidak dapat memerdekaan hamba maka hendaklah dia berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum mereka bersama. Sesiapa yang tidak sanggup berpuasa maka hendaklah dia memberi makan enam puluh orang miskin.

Dalil *kifārat* bersetubuh pada bulan Ramadan dengan sengaja ditentukan oleh sunnah Rasulullah ŠAW sebagaimana ḥadīth yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah yang bermaksud ( Al-Khaṭīb Al-Syarbīnī, 1997, jil. 1 : 647):

Seorang lelaki datang kepada Rasulullah ŠAW sambil berkata "Celakalah". Rasulullah ŠAW bertanya ada apa? Orang itu menjawab "Aku telah menggauli isteriku sedangkan aku sedang berpuasa di bulan Ramadan." Rasulullah ŠAW bertanya "Adakah kamu mampu memerdekaan seorang hamba?" Lelaki itu menjawab "Tidak." Rasulullah ŠAW bertanya lagi, "Adakah kamu sanggup berpuasa dua bulan berturut-turut?" lelaki itu menjawab dia tidak sanggup. Lalu Rasulullah ŠAW menyuruhnya memberi makan kepada enam puluh orang miskin. Lelaki itu berkata "Aku tidak mampu." Rasulullah ŠAW berkata "Duduklah." Lalu Rasulullah ŠAW memberi setakar tamar dan bersabda "Ambil ini dan sedekahkan." Orang itu berkata "Aku tidak menemukan orang yang lebih memerlukan lebih daripada aku." Mendengar itu Rasulullah ŠAW tertawa dan bersabda "Makanlah."

Bagi *kifārat zihār* dan bersetubuh pada bulan Ramadan dengan sengaja kifaratnya ( Al-Khaṭīb Al-Syarbīnī, 1997, jil. 1 : 647 & Al-Kāsānī, 1998, jil. 4 : 250) terdapat tiga jenis *kifārat* dan mesti ditunaikan yang pertama, dan jika tidak mampu yang pertama, barulah berpindah kepada yang kedua dan seterusnya yang ketiga. *Kifārat* bagi kesalahan tersebut ialah :

- i. Memerdekaan seorang hamba, sekiranya tidak mampu;
- ii. Berpuasa selama dua bulan berturut-turut, sekiranya tidak mampu; dan
- iii. Memberi makan kepada 60 orang miskin.

Memberi makan kepada 60 orang miskin ini merupakan pilihan terakhir kepada orang yang dikenakan *kifārat* tersebut. Kadar makanan yang diberikan ialah sama sebagaimana kadar yang diberikan kepada fakir miskin bagi *kifārat* sumpah (Al-Kāsānī, 1997, jil. 4 : 275).

Walaupun *kifārat* bertujuan untuk mendenda orang yang melanggar larangan Allah SWT, tetapi dalam masa yang sama bertindak memberi pengajaran kepada orang yang didenda dan denda ini juga memberi manfaat kepada golongan fakir miskin.

#### **6.7.5 Denda Haji**

Sekiranya umat Islam yang mengerjakan haji melakukan kesalahan atau melanggar peraturan haji, mereka akan dikenakan denda. Terdapat beberapa bentuk denda bagi orang yang mengerjakan haji dan kajian ini juga memfokuskan kepada denda-denda yang melibatkan agihan makanan kepada orang fakir miskin sahaja iaitu :

##### **6.7.5.1 Membayar Dam**

Membayar dam ialah menyembelih binatang sebagai denda kerana melakukan kesalahan semasa berihram. Antara binatang yang disembelih ialah unta, kambing, lembu dan sebagainya. Daging binatang ini mesti diagihkan kepada orang miskin. Antara kesalahan yang mewajibkan membayar dam ialah bersetubuh sewaktu berihram, memakai pakaian berjahit, bercukur kepala dan pelbagai kesalahan lainnya (Al-Khaṭīb Al-Syarbīnī, 1998, jil. 1 : 759 & Al-Kāsānī, 11998, jil. 2 : 410).

##### **6.7.5.2. Memberi Sedekah Wajib**

Memberi sedekah wajib ialah memberi makanan kepada orang fakir miskin disebabkan kesalahan yang dilakukan oleh orang berihram. Kesalahan tersebut lebih kecil berbanding kesalahan yang mewajibkan membayar dam. Contohnya seorang yang membuang sehelai rambut atau memotong satu kuku, mesti bersedekah sebanyak secupuk makanan kepada orang miskin. Jika dibuang dua helai rambut atau dua kuku, maka dikenakan denda setengah gantang makanan (Al-Khaṭīb Al-Syarbīnī, 1997, jil.. 1 : 757).

#### **6.7.6 Fidyah Puasa**

*Fidyah* puasa diwajibkan ke atas orang yang tidak berdaya untuk berpuasa dengan memberi makan kepada orang miskin. Dalilnya firman Allah SWT (**Al-Baqarah** : 184) yang bermaksud :

Dan wajib ke atas orang yang tidak berdaya berpuasa membayar *fidyah* iaitu memberi makan kepada orang miskin.

Orang yang tidak berdaya berpuasa adalah disebabkan beberapa faktor seperti (**Al-Khaṭīb Al-Syarbīnī**, 1997, jil. 1 : 642-645) :

- i. Orang yang tidak mampu mengerjakan puasa seperti orang tua atau lemah sama ada lelaki ataupun perempuan;
- ii. Orang yang sakit dan tidak ada harapan akan sembuh;
- iii. Perempuan hamil dan perempuan yang menyusukan anaknya serta bimbangkan keselamatan anak di samping itu dia wajib juga *qada'* puasa; dan
- iv. Orang yang cuai menggadakan puasa Ramadan sehingga tiba Ramadan berikutnya.

Mereka dikenakan *fidyah* sebanyak satu cupak makanan asasi untuk setiap hari yang ditinggalkan puasa dan diagihkan kepada orang fakir miskin (**Al-Khaṭīb Al-Syarbīnī**, 1997, jil. 1 : 642). Mereka boleh juga menggantikan makanan dengan nilai wang bagi harga makanan tersebut (**Al-Kāsānī**, 1998, jil. 2 : 252).

#### **6.7.7 Memberi Makan Atas Dasar Sedekah Sunat**

Selain ibadah-ibadah wajib dan sunat yang khusus itu Islam juga menggalakkan umat Islam memberi makanan kepada orang fakir miskin di atas dasar untuk membuat kebajikan iaitu bersedekah. Antaranya firman Allah SWT (**Al-Balad**: 12-16) yang bermaksud :

Apakah amalan yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan. Antara amalan itu ialah memerdekaan hamba abdi. Atau memberi makan pada hari kelaparan. Kepada anak yatim dari kaum kerabat. Atau kepada orang miskin yang terlantar di atas tanah.

Allah SWT amat menyukai dan memuji amalan memberi makanan kepada golongan miskin sebagaimana firman Allah SWT (**Al-Insān** : 8-9):

Mereka juga memberi makan dari makanan yang dihajati dan disukai kepada orang miskin, anak yatim dan tawanan perang. Sambil berkata sesungguhnya kami memberi makan kepada kamu kerana Allah semata-mata, kami tidak berkehendakkan sebarang balasan dari kamu atau ucapan terima kasih.

Allah SWT juga memberi amaran balasan neraka kepada orang yang mengabaikan tanggungjawabnya membantu memberi makanan kepada orang miskin sebagaimana firman Allah SWT (**Al-Hāqqah** : 31-34):

Kemudian bakarlah dia di dalam neraka Jahannam. Selain itu masukkanlah dia dalam lingkaran rantai besi yang ukuran panjangnya tujuh puluh hasta dengan membelitkannya ke badannya. Sesungguhnya dia dahulu tidak beriman kepada Allah Yang Maha Besar. Dan dia juga tidak menggalakkan dirinya dan orang lain memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin.

Allah SWT sangat murka kepada orang yang tidak memberi makan kepada orang miskin dan amaran ini diulangi dalam ayat yang lain (**Al-Fajr** : 18):

Dan kamu tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin.

Dalam ayat yang lain juga (**Al-Mā'ūn** : 1-3):

Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama. Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim. Dan dia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin.

Firman Allah SWT lagi (Al-Muddathir: 42-44):

Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu mereka berkata apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam neraka *sagar*. Orang-orang yang bersalah itu menjawab kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang. Dan kami tidak pernah memberi makan orang-orang miskin.

Rasulullah SAW juga menggalakkan supaya bersedekah dengan memberikan makanan kepada orang fakir miskin. Antaranya sebagaimana ḥadīth Rasulullah SAW yang diceritakan oleh Ḥāfiẓ bin Ḥātim bermaksud (Abū Ḥubayd, 1988 : 439) :

Takutlah api neraka dengan bersedekah walaupun secebis *tamar*. Sekiranya kamu tidak mempunyainya bersedekahlah dengan kalimah yang baik.

Sesiapa yang ingin memberi makanan kepada fakir miskin atas dasar bersedekah sunat, tidak dihadkan jenis makanan yang boleh disedekahkan itu. Apa sahaja makanan yang ingin disedekahkan tidak dibataskan oleh syarak. Di Malaysia kebanyakan umat Islam mengambil peluang bersedekah sunat dengan memberi makan kepada orang fakir miskin pada bulan Ramadan dengan menyediakan juadah berbuka puasa di masjid-masjid atau di surau-surau.

## 6.8 Orang Fakir Miskin Dari Perspektif Islam

Islam mengambil berat tentang kebajikan golongan fakir dan miskin dan membela nasib mereka dengan memberi bantuan melalui zakat, *fidyah*, *kifārat*, denda haji, sedekah sunat dan sebagainya untuk memastikan mereka mendapat keperluan asas kehidupan iaitu tempat tinggal, pakaian dan makanan. Dalam konteks sekuriti makanan, mekanisme tersebut dilihat mampu menjamin masyarakat Islam mendapat bekalan makanan yang mencukupi selagi mereka menunaikan kepatuhan kepada suruhan agama Islam. Mekanisme tersebut adalah ibadat dan bukan satu bentuk bantuan sosial semata-mata. Sebagai rumusan kita lihat bahawa mekanisme ini sentiasa mengutamakan agihan makanan kepada fakir miskin (Lihat Jadual 6.3).

Jadual 6.3 Mekanisme Agihan Makanan Dalam Islam, Penerima Dan Bentuk Agihan Makanan

Mekanisme		Penerima	Bentuk Agihan Makanan
Zakat	Zakat Pertanian	Fakir miskin	Hasil pertanian
	Zakat Ternakan	Fakir miskin	Binatang
	Zakat Fitrah	Fakir miskin	Makanan asasi
Denda haji	Dam	Fakir miskin	Daging
	Sedekah wajib	Fakir miskin	Makanan asasi
<i>Kifārat</i>	Bersetubuh pada bulan Ramadan	60 orang fakir miskin	makanan asasi
	<i>zihār</i> sumpah	10 orang fakir miskin	makanan asasi
Fidyah puasa		fakir miskin	1 hari 1 cupak makanan asasi
Korban		Fakir miskin	1/3 daging
Aqiqah		fakir miskin	daging
Sedekah sunat		Fakir miskin	Pelbagai jenis makanan

Orang fakir miskin yang layak menerima segala bentuk bantuan itu mestilah mempunyai salah satu ciri berikut iaitu (Al-Bahūtī, 1999, jil. 2 : 338-339, Al-Dusūqī, 1996, jil. 2 : 100 & Al-Kāsānī, 1998, jil. 2 : 158) :

- Orang yang tidak mempunyai harta;
- Orang yang tidak mempunyai pekerjaan yang halal; dan
- Orang yang mempunyai pekerjaan yang halal tetapi pendapatannya tidak dapat menampung keperluan asas dirinya dan orang di bawah tanggungannya.

Fakir miskin = Pendapatan - Keperluan < Keperluan

Keperluan = Makanan + Pakaian + tempat tinggal + perubatan + lain-lain  
(Makanan = a, Pakaian = b, Tempat tinggal = c, perubatan = h, lain-lain = e )

FM= Fakir miskin, Pendapatan = y, Keperluan = k

FM =  $y - k < k$

FM =  $y - (a + b + c) < k$

## 6.9 Konsep Makanan Halal Sebagai Jaminan Sekuriti Makanan

Satu elemen yang amat penting dalam konsep sekuriti makanan dalam Islam ialah makanan tersebut mestilah halal dan *tayyibah*. Konsep halal di sini ialah makanan yang tidak diharamkan seperti khinzir, bangkai, darah dan sebagainya. Makanan yang

*tayyibah* pula ialah makanan yang baik untuk kesihatan dan tidak mengandungi bahan-bahan yang membahayakan kesihatan.

Islam tidak melihat isu bekalan dan keupayaan untuk mendapat makanan semata-mata sebagai jaminan sekuriti makanan. Sebaliknya konsep makanan yang halal dan tidak membahayakan untuk kehidupan yang sihat juga amat dititikberatkan oleh Islam. Oleh sebab itu makanan tersebut hendaklah makanan yang tidak membahayakan kesihatan dan tidak memabukkan.

Terdapat banyak dalil Al-Quran yang menekankan supaya memakan makanan yang halal dan baik. Antaranya ialah :

Dalil firman Allah SWT (**Al-Māidah** : 5) yang bermaksud :

Pada masa ini dihalalkan bagi kamu memakan makanan yang lazat serta baik.

Dalil firman Allah SWT (**Al-Māidah** : 88) yang bermaksud :

Dan makanlah dari rezeki yang telah Allah berikan kepada kamu iaitu yang halal dan baik.

Dalil (**Al-Baqarah** : 168) yang bermaksud :

Wahai manusia makanlah apa yang ada di bumi yang halal dan baik.

Dalil firman Allah SWT (**Al-A‘rāf** : 157) yang bermaksud:

Allah menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk.

Bahan-bahan yang membahayakan kesihatan yang terdapat di dalam makanan seperti perasa makanan, pengawet makanan, logam berat, racun dan sebagainya mendedahkan orang yang memakan makanan tersebut kepada penyakit.

Allah SWT juga mengharamkan makanan yang memabukkan kerana ia membahayakan kesihatan, sebagaimana firman Allah SWT (*Al-Māidah* : 90) yang mengharamkan arak :

Wahai orang-orang yang beriman sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala dan menilik nasib dengan batang-batang anak panah adalah dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhi supaya kamu berjaya.

### 6.10 Peranan Kerajaan Terhadap Sekuriti Makanan

Kerajaan bertanggungjawab menjaga kebijakan rakyatnya dan memastikan mereka mendapat bantuan bagi memperoleh keperluan asas mereka seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya.

Polisi sekuriti makanan yang dianjurkan oleh Islam itu akan dapat dilaksanakan mengikut peraturannya dengan adanya pengurusan dan pelaksanaan yang baik oleh pihak kerajaan. Kutipan zakat dapat dilakukan dan diagihkan kepada yang berhak dengan adanya institusi khas yang menguruskannya seperti *bayt al-māl*.

Pada masa sekarang, terdapat negara Islam yang mempunyai perundangan khusus tentang hak dan tanggungjawab kerajaan untuk memastikan rakyat negara mereka mempunyai hak untuk mendapat pembelaan dari segi keperluan asasi seperti makanan, pakaian dan sebagainya. Negara Islam seperti Republik Islam Iran dan Pakistan (FAO : 1998 : 43), mempunyai peruntukan perundangan yang dinyatakan dengan jelas bahawa kerajaan bertanggungjawab terhadap kebijakan bagi memastikan rakyat memperolehi makanan. Contohnya Artikel 3 Republik Islam Iran (FAO, 1998 : 43) mengatakan :

*The planning of a correct and just economic system, in accordance with Islamic criteria, in order to create welfare, eliminate poverty, and abolish all forms of deprivation with respect to food, housing, work, health care, and the provision of social insurance for all.*

Artikel 43 Republik Islam Iran juga memperuntukkan :

*The economy of the Islamic Republic of Iran, with its objectives of achieving the economic independence of the society, uprooting poverty and deprivation, and fulfilling human needs in the process of development while preserving human liberty, is based on the following criteria : The provision of basic necessities for all citizens : housing, food, clothing hygiene, medical treatment, education, and the necessary facilities for the establishment of a family.*

Pakistan juga meletakkan tanggungjawab kerajaan untuk menjaga kebajikan rakyatnya supaya mendapat makanan asas menerusi akta yang diperundangkan iaitu artikel 38 yang mengatakan (FAO, 1998 : 43):

*The state shall provide basic necessities of life, such as food, clothing, housing, education and medical relief.*

#### **6.11 Kesimpulan**

Berdasarkan mekanisme yang dinyatakan di atas, jelaslah bahawa di dalam Islam terdapat mekanisme tertentu untuk menjamin sekuriti makanan di kalangan masyarakat Islam. Melalui zakat pertanian, orang yang berhak akan memperolehi makanan daripada pengeluar zakat setiap kali musim menuai. Begitu juga dengan zakat binatang dan zakat fitrah. Ketiga-tiga bentuk pengeluaran zakat ini adalah satu kewajipan kepada umat Islam yang mencukupi syarat.

Oleh itu, akan wujudnya bantuan kepada orang yang berhak. Sama ada zakat-zakat tersebut dikeluarkan dalam bentuk barang makanan, mahupun dengan wang dengan kadar yang sama dengan nilai makanan itu, bukanlah satu isu yang perlu diperdebatkan. Apa yang penting, orang yang berhak akan memperolehi bantuan daripada saudara mereka. Secara langsung, ia mengelakkan berlakunya kelaparan di kalangan orang fakir miskin yang tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk membeli makanan keperluan mereka.

Ibadat korban, aqiqah dan dam haji juga mampu memainkan peranan sebagai mekanisme bantuan makanan kepada golongan yang tidak mampu. Mekanisme ini yang menjadikan daging sebagai agihan dapat memenuhi kehendak dan keperluan makanan oleh golongan fakir miskin.

Denda-denda seperti *kifārat*, *fidyah*, denda haji dan sedekah sunat menjadikan pelbagai bentuk agihan makanan kepada golongan fakir miskin. Keadaan ini menjadikan golongan orang fakir miskin yang berpeluang mendapat bantuan makanan lebih besar.

Kesemua ini merupakan satu bentuk agihan makanan yang lengkap kepada golongan fakir dan miskin yang selalunya dikaitkan dengan ketidakmampuan untuk memperolehi makanan bagi kegunaan mereka sekeluarga. Apabila Islam meletakkan zakat sebagai satu kewajipan, secara langsung peratus orang yang akan mengeluarkan zakat adalah sangat tinggi kerana mengingkarinya adalah satu dosa dan akan mendapat balasan yang pedih di sisi Allah SWT.

Selagi ada umat Islam yang taat, selagi itulah akan wujudnya mekanisme agihan makanan di kalangan umat Islam kepada golongan yang kurang mampu dan memerlukan.